

Date and Time: Thursday, 4 December 2025 3:10pm +08

Job Number: 269757595

Document (1)

1. [*Shahizan bin Hasnan \(Sebagai Pentadbir Kepada Hasnan bin Abdul Aziz, Simati\) Iwn Nahzatul Ain bt Mohd Khalid \(Rakan Kongsi Yang Beramal Di Tetuan Khalid, Iqbal & Associates\) & Ors \[2023\] MLJU 3383*](#)

Client/Matter: -None-

Search Terms: "syazwan hasim"

Search Type: Natural Language

Narrowed by:

Content Type
MY Cases

Narrowed by
-None-



SHAHIZAN BIN HASNAN (SEBAGAI PENTADBIR KEPADA HASNAN BIN ABDUL AZIZ, SIMATI) v NAHZATUL AIN BT MOHD KHALID (RAKAN KONGSI YANG BERAMAL DI TETUAN KHALID, IQBAL & ASSOCIATES) & ORS

CaseAnalysis

[2023] MLJU 3383

[Shahizan bin Hasnan \(Sebagai Pentadbir Kepada Hasnan bin Abdul Aziz, Simati\) Iwn Nahzatul Ain bt Mohd Khalid \(Rakan Kongsi Yang Beramal Di Tetuan Khalid, Iqbal & Associates\) & Ors \[2023\] MLJU 3383](#)

Malayan Law Journal Unreported

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR)

ROZANA ALI YUSOFF H

SAMAN PEMULA NO WA 24NCVC-737-04 TAHUN 2021

10 November 2023

(Hakem Arabi & Assoc) bagi pihak plaintif.

(Syazwan Hasim & Azeel Eskandar) bagi pihak defendan.

Rozana Ali Yusoff H:

A. PENGENALAN

[1] Ini adalah permohonan Plaintif melalui Notis Permohonan [Lampiran 133] di bawah Aturan 52 Kaedah 4 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 (KKM 2012) menuntut relif seperti berikut:

- [a] Suatu perintah pengkomitan terhadap Defendan Pertama kerana penghinaan Mahkamah iaitu gagal mematuhi dan memenuhi Perintah Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bertarikh 21.02.2022, yang memerintahkan Defendan-Defendan untuk mendepositkan baki wang pembelian hartanah berjumlah RM 3,368,144-00 ke dalam akaun peguamcara Plaintif dalam masa 14 hari dari tarikh Perintah tersebut;
- [b] Bahawa kos permohonan ini menjadi kos dalam kausa; dan
- [c] Lain-lain perintah yang Mahkamah yang Mulia ini fikirkan wajar dan sesuai.

B. LATARBELAKANG

[2] Plaintif adalah Pentadbir bagi bapanya (si mati) yang bernama Hasnan bin Abdul Aziz melalui Perintah bertarikh 5.2.2020. Si mati telah menandatangani satu Perjanjian Jual beli hartanah dengan pembeli-pembeli yang bernama Kamarudin bin Meranun dan Siti Munajat binti Md Ghazali pada 27.07.2018 di mana Tetuan Khalid, Iqbal & Associates merupakan peguamcara yang dilantik oleh si mati untuk bertindak sebagai peguamcara Penjual iaitu Defendan-Defendan dalam tindakan ini.

[3] Menurut Perjanjian Jual beli tersebut, si mati bersetuju untuk menjual hartanah yang dipegang di bawah Geran 21216, Lot No. 46273, Mukim Kuala Lumpur, Daerah Kuala Lumpur, Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada nilai harga belian sebanyak RM4,600,000.00. Pihak Pembeli-pembeli kemudiannya telah membayar baki harga belian sebanyak RM 4,140,000.00 yang dimasukkan ke dalam akaun klien Defendan-Defendan.

Shahizan bin Hasnan (Sebagai Pentadbir Kepada Hasnan bin Abdul Aziz, Simati) lwn Nahzatul Ain bt Mohd Khalid (Rakan Kongsi Yang Beramal Di Tetuan Khalid, Iqbal

[4] Atas permohonan Plaintiff, Defendan-Defendan telah melepaskan wang sebanyak RM700,000.00 dari jumlah RM4,140,000.00 bagi perbelanjaan mengurus hal kematian dan juga bagi mendapatkan tandatangan benefisiari berkaitan dengan permohonan Geran Surat Kuasa Mentadbir.

[5] Pada 27.11.2020, Plaintiff kemudiannya membuat tuntutan baki wang pembelian hartanah tersebut dari Defendan-Defendan melalui Tetuan Ashraf Abdul Razak yang Plaintiff lantik untuk bertindak bagi pihaknya. Defendan Pertama telah memaklumkan kepada Plaintiff bahawa terdapat kesilapan di pihak Defendan-Defendan dalam melepaskan baki wang pembelian tersebut secara salah kepada pihak ketiga. Namun mereka dalam proses untuk mendapatkan semula baki wang tersebut dan akan memulangkan baki wang dalam tempoh masa yang terdekat.

[6] Jumlah baki wang belian yang dituntut oleh Plaintiff supaya dilepaskan oleh Defendan-Defendan adalah sebanyak RM3,368,144.00 selepas ditolak wang pendahuluan sebanyak RM700,000.00 dan bayaran guaman sebanyak RM71,856.00.

[7] Pada 21.02.2022, Plaintiff telah memperolehi Perintah Perlaksanaan Spesifik yang mengarahkan Defendan-Defendan secara berasingan dan/atau bersesama untuk melepaskan baki wang pembelian kepada pihak Plaintiff dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh perintah dikeluarkan.

[8] Pada 12.09.2022, Perintah Perlaksanaan Spesifik yang dimeterai dengan Notis Penal (Lampiran 125) telah diserahkan kepada ketiga-tiga Defendan. Pada 18.10.2022, Plaintiff bersama-sama Defendan Kedua dan Ketiga telah merekodkan satu Penghakiman Persetujuan termasuk pembayaran RM1,843,068.95 oleh Allianz Insurance bagi pihak Defendan Kedua dan Ketiga.

[9] Sehingga kini, Plaintiff cuma menerima pembayaran sebanyak RM2,253,068.95, manakala baki jumlah penghakiman sebanyak RM1,115,075.00 masih lagi belum dijelaskan oleh Defendan Pertama kepada Plaintiff. Berlanjutan dengan ini, Plaintiff memfailkan Notis Permohonan (Ex parte) memohon kebenaran Mahkamah untuk melaksanakan prosiding komital terhadap Defendan Pertama.

[10] Pada 9.11.2022, Mahkamah telah membenarkan permohonan Plaintiff untuk memulakan prosiding komital tersebut. Menurut Plaintiff, walaupun Defendan Pertama telah beberapa kali diingatkan oleh Plaintiff untuk mematuhi Perintah Perlaksanaan Spesifik, Defendan Pertama masih ingkar dan gagal untuk mengambil apa-apa langkah bagi menyelesaikan pembayaran kepada Plaintiff. Plaintiff menegaskan bahawa kegagalan Defendan Pertama untuk mematuhi Perintah bertarikh 21.02.2022 secara jelas merupakan satu penghinaan kepada Mahkamah yang mengakibatkan satu Perintah Komital dikeluarkan terhadap Defendan Pertama.

C. ANALISA DAN KEPUTUSAN

[11] Defendan Pertama telah membangkitkan bantahan awal untuk menolak permohonan Plaintiff atas kegagalan untuk menyerahkan notis tunjuk sebab (show cause) kepada Defendan Pertama sebelum memulakan tindakan permohonan pengkomitan. Plaintiff juga telah gagal untuk menyerahkan Notis Permohonan, Pernyataan dan Affidavit Sokongan secara serahan kediri (personal service) kepada Defendan Pertama. Alasan bantahan awal ini adalah di bawah Aturan 52 Kaedah 2B [KKM 2012](#) dan Aturan 52 Kaedah 4 (3) [KKM 2012](#). Dalam hal ini, Aturan 52 Kaedah 2B KKM 2012 menyatakan:

2B. Kes penghinaan yang lain (A. 52 k. 2B)

Dalam semua kes penghinaan Mahkamah yang lain, notis rasmi untuk menunjukkan sebab mengapa dia tidak patut dikomitkan ke penjara atau didenda hendaklah disampaikan secara kediri.

4. Permohonan minta perintah setelah kebenaran memohonnya diberikan (A. 52 k. 4)

(3) Tertakluk kepada perenggan (4), notis itu, yang disertai dengan sesalinan pernyataan dan affidavit yang menyokong permohonan minta kebenaran di bawah kaedah 3 dan perintah memberikan kebenaran itu, mestilah disampaikan secara kediri kepada orang yang diminta dikomitkan.

[12] Dalam kes *Tan Poh Lee v. Tan Boon Thien* [\[2021\] MLJU 2749](#), Mahkamah memutuskan: -

Shahizan bin Hasnan (Sebagai Pentadbir Kepada Hasnan bin Abdul Aziz, Simati) lwn Nahzatul Ain bt Mohd Khalid (Rakan Kongsi Yang Beramal Di Tetuan Khalid, Iqbal

[7]... Order 52 Rule 2B is an encapsulation of that principle, so as to ensure that the contemnoris aware of the charge made against him. However, this is not equivalent to a stricture that the alleged contemnor has to be given several notices regarding the alleged contravention.

[8] That does not mean either, that Order 52 Rule 2B encapsulates a strict set of procedures that has to be followed meaninglessly such that several notices are issued sequentially. The law does not believe in surplusage.

[10] It then follows that such a notice can only come into being after the initiation of contempt proceedings by making the requisite application to Court. And that is why the notice in Order 52 Rule 2B ties in with the documents referred to in Order 52 Rule 4(3).

[13] In the case of *NPL v. SKS* [2022] MLJU 487, Mahkamah memutuskan:

[9] As such, non-compliance with Order 52 Rule 2B of the [Rules of Court](#) is not always fatal as it would have to depend on the facts and circumstances of the case. It was therefore, important to determine whether the failure, if it all, to comply with Order 52 Rule 2B of the Rules of Court had, in any way prejudiced the Applicant.

[17] As such, it was my view that even if Order 52 Rule 2B of the Rules of Court was literally not complied with, such non-compliance was not fatal or prejudicial to the Applicant, based on the circumstance of the case.

[14] Setelah mendengar hujahan kedua-dua pihak dan menggunakan otoriti-otoriti di atas, saya menolak bantahan awal Defendan Pertama yang dibuat di bawah Aturan 52 Kaedah 4 (3) [KKM 2012](#) dan Aturan 52 Kaedah 2B [KKM 2012](#). Alasan penolakan ini dibuat setelah mengambilkira bahawa Defendan Pertama mempunyai pengetahuan penuh dari awal lagi mengenai tuntutan terhadapnya. Malahan beliau sendiri telah memberi arahan kepada peguamnya untuk menerima segala kertas kausa berkaitan dengan prosiding. Walaupun tiada serahan sendiri tidak dibuat, namun saya berpendapat tiada sebarang prejudis dan ketidakadilan diakibatkan kepada Defendan Pertama.

[15] Prinsip undang-undang mengenai dengan penghinaan Mahkamah adalah termaktub dalam kes *Tan Sri Dato' Dr. Rozali Ismail & Ors v. Lim Pang Cheong & Ors* [2012] 2 MLRA 717 yang mana Mahkamah Persekutuan mendefinisikan mengenai penghinaan Mahkamah seperti berikut:

"To speak generally, contempt of court may be said to be constituted by any conduct that tends to bring the authority and administration of the law into disrespect or disregard, or to interfere with or prejudice parties, litigants, or their witnesses during the litigation."

[16] Selanjutnya, Mahkamah juga memutuskan:

"It is settled law that committal proceeding is criminal in nature since it involves the liberty of the alleged contemnor. Premised upon that, the law has provided procedural safeguards in committal proceeding which requires strict compliance".

[17] Di dalam kes *Sivalingam a/l S. Ponniah & Ors v. Balakrishnan a/l S. Ponniah & Ors* [\[2003\] 3 MLJ 353](#), Mahkamah menjelaskan beban pembuktian adalah ke atas Pemohon untuk membuktikan perintah komital boleh diberikan terhadap penghinaan perintah Mahkamah.

"A committal proceeding is a criminal or quasi criminal proceeding. In the first instance, the first plaintiff has to prove that he had complied with the stipulated rules and procedures. Having proved that then the first plaintiff has to prove that both the defendants are guilty of the allegations or charges made against them. The burden of proof is proof beyond reasonable doubt and this burden is on the first plaintiff, both as to the rules and procedures and as to the guilt alleged. Failure by the first plaintiff to so prove either of the requirements is fatal to the first plaintiff's application."

[18] Perintah Mahkamah bertarikh 21.02.2022 adalah suatu Perintah Pelaksanaan Spesifik yang mengarahkan Defendan-Defendan secara berasingan dan/atau bersama untuk melepaskan baki wang pembelian sebanyak RM3,368,144-00 kepada Plaintiff. Plaintiff menghujahkan bahawa Perintah Pelaksanaan Spesifik tersebut merupakan satu perbuatan (to do an act) untuk melepaskan wang dan bukannya terjumlah kepada penghakiman kewangan. Dalam hal ini, Mahkamah perlu melihat kepada sudut keseluruhan (substance) dan tujuan Penghakiman tersebut yang menuntut Defendan Pertama membayar wang baki pembelian. Ini adalah jelas ianya

Shahizan bin Hasnan (Sebagai Pentadbir Kepada Hasnan bin Abdul Aziz, Simati) lwn Nahzatul Ain bt Mohd Khalid (Rakan Kongsi Yang Beramal Di Tetuan Khalid, Iqbal

merupakan satu penghakiman kewangan yang mana tujuan dan intipati Perintah Pelaksanaan Spesifik perlu dibuat oleh Defendan Pertama iaitu pembayaran wang yang dituntut oleh Plaintiff.

[19] Adalah menjadi undang-undang yang matan bahawa suatu penghakiman kewangan (monetary judgement) tidak boleh dilaksanakan melalui prosiding komital. Saya menerima pakai kes *Hong Leong Bank Bhd v. Phung Tze Thiam* [2008] 4 CLJ 742 yang mana Mahkamah Rayuan memutuskan:

[5] Now, in Re Oddy, Major v. Harness [1906] 1 Ch 93 it was held by the English Court of Appeal that "an order to recover money is not an order on the defendants to do anything, and therefore that such order could not be enforced either by a supplementary order for the payment of the money within a fixed time or by attachment", per Luxmoore J in Iberian Trust, Ltd v. Founders Trust and Investment Co, Ltd [1932] 2 KB 87. The order of 25 April 2007 in essence required the respondent to re-pay a part of the sum that had been paid to him by the appellant In point of form, it may appear to be an order requiring the respondent to do an act, namely to refund the money But a court is concerned with substance and not form. And the substance of the order under consideration here is that it is a money judgment and not a judgment requiring the performance of an act We must therefore answer the question we posed in para 4 of this judgment in the negative. That is to say the order of this court dated 25 April 2007 cannot be enforced by means of committal proceedings. But that is not to say that the appellant bank is not without remedy. It may enforce the said order in the usual way in which money judgments are enforced.

[6] The application was accordingly dismissed.

[20] Defendan Pertama pada pendapat saya, mempunyai kemampuan untuk membayar jumlah baki wang yang dituntut bila mana beliau telah menawar untuk mencairkan aset-asetnya dan mengambil tindakan undang-undang terhadap syarikat insuran. Ini menunjukkan tidak terdapatnya satu perbuatan untuk mengelak atau berlakunya suatu pengabaian sengaja (wilful neglect) oleh Defendan Pertama yang boleh menyebabkan beliau dikomitkan melalui prosiding ini. Dalam kes ini, adalah tidak wajar untuk mengkomitkan Defendan Pertama ke penjara tanpa bukti jelas yang menunjukkan beliau sebagai seorang peguam tidak berupaya untuk membayar jumlah yang dituntut oleh Plaintiff.

[21] Oleh kerana Perintah bertarikh 21.02.2022 adalah jelas merupakan satu penghakiman kewangan dan ianya tidak boleh dilaksanakan secara komital, maka proses prosiding pelaksanaan yang lain seperti prosiding ganishi, perintah kebangkrapan dan Writ Penyitaan dan Penjualan boleh dilaksanakan oleh Plaintiff terhadap Defendan Pertama.

[22] Setelah mendengar hujahan dari kedua-dua pihak dan melalui Affidavit-afidavit yang dikemukakan, adalah diperintahkan bahawa: -

- [a] Permohonan Plaintiff untuk satu Perintah Pengkomitan terhadap Defendan Pertama kerana penghinaan Mahkamah untuk mematuhi dan memenuhi Perintah Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bertarikh 21.02.2022 adalah ditolak; dan
- [b] Kos sebanyak RM3,000.00 dibayar oleh Plaintiff kepada Defendan Pertama.